

# harianekspres

## KPDNHEP serius tangani ketirisan barang subsidi

Published on: Sunday, December 08, 2019

By: Lagatah Toyos



**TAWAU:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) memandang serius isu ketirisan barang kawalan bersubsidi di kawasan sempadan seperti Tawau yang berhampiran wilayah Indonesia samada melalui laluan laut dan darat.

Ketua Setiausaha KPDNHEP Datuk Muez Abd Aziz (gambar), mengakui lokaliti negeri atau wilayah bersempadan dengan negara jiran merupakan satu cabaran pihaknya dalam menangani isu kebocoran keluar barang Malaysia seperti Gas Petroleum Cecair (LPG), gula, tepung dan minyak masak serta bahan bakar.

Justeru, katanya, pihaknya sentiasa meningkatkan kolaborasi antara-agensi bersama pasukan penguatkuasa lain seperti Pasukan Polis Marin (PPM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (Esscom), polis dan Kastam.

Menurutnya, sepanjang 2019, KPDNHEP menjalankan operasi bersepada sebanyak enam kali melalui jaringan kerjasama ini dan juga menerima serahan tindakan kes sebanyak 44 melibatkan nilai rampasan RM448,803.56.

Muez berkata demikian kepada pemberita selepas lawatan rasmi dan walk about di Pasar Tanjung di sini, pada Sabtu dengan diiringi Ketua Cawangan KPDNHEP Tawau, Aslani Dabi.

Katanya, lawatan tersebut merupakan langkah KPDNHEP menangani kos sara hidup melalui tinjauan ke atas para peniaga Pasar Tanjung dalam memastikan barang keperluan dijual pada harga berpatutan.

"Hasil tinjauan mendapati peniaga pasar menjalankan aktiviti secara beretika dan mematuhi peraturan ditetapkan, termasuk meletak atau mempamerkan tanda harga," katanya yang turut berpuas hati kerana bekalan barang keperluan untuk musim perayaan Krismas mencukupi bagi daerah ini.

Sehingga kini, katanya, KPDNHEP Tawau menjalankan pemeriksaan premis perniagaan di kawasan bandar sebanyak 9,422 dan di luar bandar (1,614) iaitu melibatkan 11,036 pemeriksaan kesemuanya.

Berkenaan bekalan bawang India yang dikatakan sukar diperoleh, Muez menyatakan pihaknya akan membuat kajian terlebih dahulu memandangkan tiada aduan kritikal atau sebarang sekatan berhubung perkara itu.

Berhubung dakwaan kononnya peniaga daging di pasar tempatan menjual daging dari luar (import) tetapi mengatakan itu adalah daging segar tempatan, beliau menyatakan pihaknya akan bekerjasama dengan pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar untuk memastikan perkara tersebut.

Dalam pada itu, Muez menasihatkan para pengguna agar membuat aduan sekiranya mendapati peniaga menjalankan perniagaan tidak beretika dan menyorok barang kawalan dengan melaporkan ke pejabat KPDNHEP terdekat di seluruh negara.

